

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/1998**

Februari 1998

PLG 474 - Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia II

(Masa: 2 jam)

Jawab soalan 1 dan dua soalan yang lain.

1. Pada peringkat sekolah menengah, pelajar harus dilatih untuk menjadi pembaca yang cekap supaya mereka dapat belajar dengan berkesan.

(a) Nyatakan lima ciri pembaca yang cekap.

[10 markah]

(b) Terangkan bagaimana guru Bahasa Malaysia dapat membantu pelajar menjadi pembaca yang cekap melalui penerapan kemahiran belajar dalam bacaan intensif.

[30 markah]

2. Penggunaan soalan berstruktur bagi latihan pemahaman lisan dan bacaan dapat mengembangkan kemahiran berfikir pelajar.

(a) Berikan lima panduan membina soalan berstruktur.

[10 markah]

...2/-

(b)

Bil.	Melayu	%	Cina	%	India	%
1.	Doraemon	68.0	Doraemon	34.2	Berita Dunia	43.8
2.	Hiburan Minggu Ini	58.1	Mighty Mouse & The Friend	27.4	Doraemon	40.0
3.	Gado-Gado	57.9	Menjelang 2020	27.3	Berita Perdana	39.5
4.	Berita Perdana	56.5	Berita Dunia	26.0	Mighty Mouse & The Friend	38.8
5.	Menjelang 2020	53.9	Alam Haiwan	24.3	Menjelang 2020	37.4
6.	Muzik TV	51.6	Pink Panther	23.3	Gado-Gado	29.2
7.	Mustika Filem	51.3	Road To World Cup	21.3	Alam Haiwan	28.2
8.	Pembantu Rumah	46.2	Gillette World Cup	21.3	Pink Panther	27.2
9.	Berita Dunia	46.2	Berita Perdana	19.5	Roda-Roda Kotaraya	27.2
10.	Roda-Roda Kotaraya	45.0	Drama Pilihan	17.8	Road To World Cup	26.9

(Kajian Tentang Kegemaran Menonton Televisyen dan Membaca Pelajar Sekolah Menengah, 1995)

Berdasarkan jadual di atas, bina satu set soalan berstruktur mengikut aras kognitif yang berikut:

- i. pengetahuan (1 soalan)
- ii. kefahaman (1 soalan)
- iii. analisis (1 soalan)
- iv. sintesis (1 soalan)
- v. penilaian (1 soalan)

[20 markah]

...3/-

3. Pengajaran tatabahasa yang menarik dan berkesan memerlukan guru mengetahui pelbagai pendekatan dan strategi pengajaran.
- (a) Bandingkan dua daripada pendekatan yang berikut:
- i. deduktif
 - ii. induktif
 - iii. eklektik
 - iv. komunikatif
- [10 markah]
- (b) Berdasarkan tajuk "Ayat Tanya dan Ayat Penyata" (R.S.P. 4.2.2), nyatakan lima aktiviti pengajaran tatabahasa dalam konteks mengikut pendekatan induktif.
- [20 markah]
4. Pendekatan mengajar karangan dapat dibahagikan kepada pendekatan yang menekankan hasil dan pendekatan yang mementingkan proses.
- (a) Bandingkan langkah-langkah pengajaran karangan melalui pendekatan yang menekankan hasil dan pendekatan yang menekankan proses.
- [10 markah]
- (b) Nyatakan lima langkah pengajaran karangan melalui pendekatan bebas.
- [20 markah]
5. Teknik drama dapat digunakan bagi meningkatkan hasil pengajaran kemahiran berbahasa Bahasa Malaysia jika dirancang dengan teliti.
- (a) Berikan lima faedah teknik drama dalam pengajaran bahasa.
- [10 markah]
- (b) Nyatakan lima langkah pengajaran yang menggunakan teknik drama dalam pengajaran lisan.
- [20 markah]